
[BIL. 58 DIS 2019](#)



The logo features the word "CREATE" in large, bold, white capital letters. The letter "R" is partially overlaid by a yellow diagonal bar. Below "CREATE", the word "e-newsletter" is written in a smaller, white, italicized sans-serif font.

Menghayati Maulidur Rasul

Umat Islam perlu mengambil iktibar dan menghayati Maulidur Rasul serta perjuangan yang dilalui baginda Islam di muka bumi ini.

Pengisahan keperibadian baginda Nabi Muhammad SAW yang sentiasa mengamalkan kesederhanaan wa

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin berkata sahabatlah kita dapat mengecapi nikmat Iman dan Islam pada hari ini.

"Penganjuran Sambutan Maulidur Rasul bukan sekadar satu upacara tahunan semata-mata, namun seba Muhammad SAW terutamanya dalam konteks kepimpinan.

"Dalam konteks perkhidmatan pula, kita sebagai staf atau mahasiswa ternyata banyak pengajaran dan nilai Rasullullah SAW untuk diterjemahkan dalam kehidupan kita sehari-hari," katanya semasa merasmikan Majlis UMP oada 11 Disember 2019 yang lalu.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Ts. Dr. Mohd Rosli Hainin dan Profesor Dr. Mohd Firdaus bin Md. Insan (PIMPIN), Dr. Mahyuddin Ismail.

Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1441H peringkat UMP tahun ini yang bertemakan 'Negara Rahmat, Ummah yang menyertai perarakan melibatkan sebanyak 21 kontingen di Pusat Aktiviti Pelajar UMP Pekan.

Majlis turut diserikan dengan Ceramah Khas dari Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Keluarga Dr. Mutalib dengan tajuk Mencintai Rasulullah Hingga ke Syurga dan persembahan Qasidah dari Pusat Pengajian Kuantan.

UMP terima pengiktirafan SEDA bagi Kecekapan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima pengiktirafan *One Diamond* bagi Penilaian Karbon Renama dan Pengurangan (SEDA) pada 13 Disember 2019 yang lalu.

Kejayaan itu menjadikan UMP sebagai universiti pertama di negara ini menerima pengiktirafan yang membuktikan kemampuan dalam melaksanakan usaha penggunaan tenaga elektrik yang efisien, mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida.

Inisiatif 'amalan hijau' dalam kalangan masyarakat Malaysia amat digalakkan terutamanya melalui mengurangkan peningkatan penggunaan tenaga.

'Kecekapan tenaga' adalah matlamat penggunaan tenaga secara berkesan dan optimum, sekali gus dapat

Antara amalan 'kecekapan tenaga' yang boleh dilaksanakan ialah menukar peralatan elektrik kurang cemerlang dengan yang berjaya dan meningkatkan sistem pendingin dengan menggunakan teknologi yang lebih baik. Selain itu, bebanan ke atas peralatan mekanikal kerana ia memerlukan tenaga lebih untuk berfungsi, menaik taraf sistem pendingin dengan menggunakan teknologi yang lebih baik. Sistem pendingin ini juga mempunyai sistem saluran keluar masuk udara baik, dan menggunakan sistem kawalan jimat-tenaga untuk setiap sistem pendingin.

Ketua Kumpulan *Energy Focus Group* UMP, Profesor Ir. Dr. Hassan Ibrahim berkata, kecekapan tenaga khas pada sistem pendingin dan peralatan elektrik boleh mengurangkan penggunaan tenaga minimum dalam menyempurnakan kerja tertentu serta dapat meningkatkan peluang penjimatan dan mengurangkan pengeluaran.

"Dengan mengaplikasikan konsep penjimatan tenaga, ia melibatkan tiga kategori iaitu penjimatan tenaga dalam sistem pendingin, penjimatan tenaga dalam peralatan elektrik dan penjimatan tenaga dalam sistem air," katanya.

"Sehingga kini, UMP hanya mengaplikasikan penjimatan tenaga melalui konsep tiada kos dan kos rendah.

"UMP berjaya mengurangkan penghasilan karbon dioksida sebanyak 7.89 peratus bersamaan 883.87 ton karbon dioksida setiap tahunnya dengan mengurangkan penggunaan tenaga elektrik sebanyak 1,273,585 kWh di UMP Kampus Pekan.

"Ia adalah hasil kesedaran warga kampus dalam menjimatkan penggunaan tenaga di dalam kampus dan memahami tentang pentingnya kelestarian tenaga," katanya.

Dalam memastikan kelestarian tenaga, Unit Kelestarian dan Penghijauan Kampus diwujudkan di bawah Persekutuan Pengurusan Penggunaan Tenaga (PPPH) bagi memastikan pengurusan tenaga di UMP dapat diuruskan secara lestari selari dengan hasrat universiti.

Intiatif lain yang turut diaplikasikan di UMP adalah dengan pemasangan *Building Automation System* (BAS) untuk mengawal penggunaan tenaga dalam sistem pendingin dan peralatan elektrik. BAS ini boleh membantu dalam mengawal penggunaan tenaga dengan jimat tenaga, pemasangan sensor di setiap tandas, pemasangan pemasa di setiap laluan susur gajah, bangunan besar dan juga pemasangan solar di bangunan pentadbiran UMP.

UMP turut mengambil initiatif dalam pengurusan tenaga melalui penetapan suhu penghawa dingin kepada 24°C. Dengan ini, ia membolehkan penggunaan tenaga lebih jimat tanpa menjadikan keselesaan pengguna.

Universiti telah memulakan inisiatif pengurusan dan penjimatan tenaga sejak tahun 2012 dan sehingga kini dan Tenaga Boleh Baharu dilaksanakan bagi mengurangkan penghasilan karbon dioksida di kampus UMP.

Usaha ini turut menyumbang terhadap pencapaian universiti dalam penarafan *UI-GreenMetric World University Ranking* baru ini apabila UMP disenaraikan pada kedudukan ke-76 terbaik dunia berdasarkan usaha melestari ini berdasarkan enam kriteria utama iaitu Infrastruktur *Setting and Infrastructure*, Energy *Energy* dan *Transportation* dan *Education*.

Delegasi UNITEN berkunjung ke UMP

Oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN DAN MUHAMMAD AZLI SHUKRI, PENERBIT UMP.

Seramai 22 kakitangan Perpustakaan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) hadir membuat lawatan ke UMP pada Disember 2019 yang lalu.

Delegasi UNITEN itu diketuai oleh Ketua Unit e-Resources, Pusat Sumber Informasi UNITEN Mohd. Yazid bin Dzulkifli, Pustakawan, Dzull Zabarrod Ahmad dan Pengarah Penerbit UMP, Ts. Dr. Muhamad Mat Noor.

Mohd. Yazid berkata, kunjungan mereka kali ini adalah untuk mendapatkan idea-idea dan inovasi baharu dalam perkhidmatan, kemudahan, pembangunan dan transformasi di Perpustakaan UMP.

"Pihak kami sedang merancang untuk mewujudkan penerbitan universiti dan oleh kerana itu, perlunya la pandangan dari UMP.

"Kehadiran kami ini adalah untuk mendapatkan gambaran atau input dan melihat sendiri proses-proses yang dijalankan di universiti di Perpustakaan UMP dan alhamdulillah matlamat kami tercapai," katanya.

Delegasi tersebut mengambil masa kira-kira tiga jam bagi mendengar penerangan daripada pihak Perpustakaan

36 pelajar lepasan SPM teruja berada di Kampus UMP

Oleh: MOHAMAD HAKIMI KAMARUDDIN, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Seramai 36 orang pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bersama lima orang guru pengiring dari SMK Chiku 2, Gua Musang memanfaatkan cuti sekolah dengan merasai sendiri pengalaman kampus semasa di Pahang (UMP) pada 3 Disember 219 yang lalu.

Program dua hari dan bermalam di dalam kampus itu memberikan suntikan semangat untuk mereka menjadikan diri mereka gading.

Menurut Pengetua SMK Chiku 2, Zainuddin Yusof, tujuan lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan awal memilih Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang bersesuaian dengan keputusan yang bakal diperoleh ketika ini.

"Saya mahu semua pelajar lepasan SPM ini dapat membuat pilihan terbaik dan ia mestilah bertepatan dengan keputusan yang mereka ambil," katanya.

sesuatu bidang yang akan diceburi.

"Lebih bermakna pelajar berpeluang untuk melihat sendiri kemudahan yang terdapat di UMP, antaranya mungkin fakulti bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

"UMP amat dekat dengan pelajar di sekolah ini apabila beberapa program motivasi telah dijalankan bersama-sama melibatkan Kelab InSmartive UMP," katanya.

Menurut Rabiatul Asyikin Mohd Zaki, 17, yang mengikuti program tersebut, kami pelajar berpeluang mengetahui masa depan mereka dengan lebih berani dan membuat keputusan yang bijak memilih program studi.

"Saya rasa seronok sebab bukan senang masuk kampus dan tinggal di dalam Kolej Kediaman.

"Pengalaman selama dua hari di UMP sangat bermakna buat kami dan semoga jalinan kerjasama yang terjalin diteruskan," katanya.

Tambah beliau lagi, Perpustakaan UMP sangat menarik dan ia bukan sahaja menjadi tempat untuk membaca malahan para pelajar boleh menjadikan Perpustakaan sebagai salah satu tempat untuk pengurusan sehari-hari penat belajar.

Mereka juga turut berpeluang melawat kemudahan-kemudahan yang terdapat di Perpustakaan seperti bahan awam dan buku digital. Selain itu, mereka juga boleh bermain permainan interaktif dan pelbagai aktiviti teknologi tinggi.

Di samping itu, para pelajar juga mengikuti program motivasi yang mendapat kerjasama daripada mahasiswa dan kakitangan universiti.

Dua modul baharu diperkenalkan dalam slot motivasi iaitu modul *Growth Mindset Challenge* dan modul *WPS Office*.

Kandungan modul direka bentuk berdasarkan enam aspirasi pelajar menurut Pelan Pembangunan Persekitaran dan Kemahiran Kepimpinan, Kemahiran Berfikir, Etika dan Kerohanian, Identiti Nasional, Pengetahuan dan Profesional.

Keterujaan para pelajar yang mengikuti lawatan singkat ke UMP ini menjadi pemangkin semangat untuk melanjutkan pengajian di IPT.

Buku '*Wonders of Oud'* rungkai keunikan pokok Gaharu

Oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN, PENERBIT UMP

Keunikan pokok Gaharu atau dalam bahasa Inggerisnya *Oud* adalah tidak asing lagi dalam masyarakat kita.

Kegunaan Gaharu dalam pelbagai bidang terutamanya sebagai sumber minyak wangi, kosmetik, perubatan dan lain-lain lagi merungkai misteri alam yang terdapat di negara kita.

UMP menerbitkan sebuah buku bertajuk *Wonders of Oud* yang memperihalkan aspek kajian saintifik mengenai pokok Gaharu yang masih belum banyak dikenali dan belum mampu diperoleh. Buku ini menyediakan sebanyak lima bab yang dibincangkan mengenai rahsia Gaharu.

Bab pertama adalah mengenai minyak yang terdapat di dalam pokok Gaharu yang merupakan bahan pokok yang banyak digunakan di negara Timur Tengah dan mula mendapat tempat di negara Barat sehingga diangkat sebagai komoditi.

Bab kedua pula membincangkan kegunaan Gaharu dalam bidang kecantikan dan penjagaan diri. Walau bagaimanapun, bidang ini masih lagi dalam penyelidikan berbanding kegunaannya di dalam industri minyak wangi.

Pada bab ketiga pula, pembaca akan didedahkan dengan Gaharu dalam bidang perawatan tradisional. Saya dapat mengubati pelbagai penyakit. Bab ini juga menerangkan potensi dan nilai semasa Gaharu dalam industri.

Selain itu, kegunaan daun Gaharu untuk membuat teh turut dibincangkan dalam bab empat buku ini. Bahagian Gaharu di pelbagai negara meningkat dan kajian yang dilakukan samada daun Gaharu digunakan sebagai bukti saintifik.

Di akhir bab ini, rumusan mengenai keempat-empat bab ini dirangkumkan dan persoalan mengenai rahsia

Oleh yang demikian, sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, kita perlu sedar akan kepentingan menjaga lingkungan sejagat.

Maklumat lanjut tentang penerbitan buku UMP layari <http://apps-cfm.ump.edu.my/staff/ebooksump/index.cfm>

Tajuk: *Wonders of Oud*

Penulis: Puteri Fadzline Muhamad Tamyez, Norul Amalina Sabri, Fazeeda Mohamad dan Cheng Jack Kie

ISBN: 9789672229321

Muka Surat: 92

Tahun: 2019

555 atlet berkampung di Kejohanan Memanah UMP-*Excella International Championships* 3.0

Oleh: AL-MUHAIMIN ALI, PUSAT SUKAN DAN KEBUDAYAAN

Foto oleh: NOOR ATIKAH NIK MAT, MOHAMMAD FAIZ AZIZI KHAIRIL DAN NUR ALI RAZALI

Seramai 555 orang atlet dan pegawai berkampung di Universiti Malaysia Pahang (UMP) membabitkan puluhan negara iaitu Malaysia, India, Singapura, Turki, Brunei dan Perancis yang mengambil bahagian dalam kejohanan *Championships* 3.0 pada 15 Disember 2019 yang lalu.

Kejohanan itu adalah anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Excella Archery Distribution Sdn. Bhd. (*Excella Archery Proshop*) yang berpangkalan di Melaka.

Menurut Pegawai Belia dan Sukan Kanan UMP yang juga merangkap penasihat dan pengurus kejohanan pihak *Excella Archery Proshop* berjumlah lebih daripada RM30,000.

"Buat pertama kalinya, penganjuran ini berjaya menarik minat pasukan luar negara untuk bertanding.

"Pada kali ini, menyaksikan penyertaan tiga pasukan dari negara India, empat pasukan dari Singapura, Perancis dan satu pasukan dari Brunei.

"Kami mengharapkan kejohanan ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang dan mendapat sokongan penaja dalam memastikan kejohanan sukan antarabangsa seperti ini diteruskan dan dapat menarik lebih ramai peserta.

Tambah beliau lagi, ia juga secara tidak langsung akan dapat menaikkan nama UMP melalui penganjuran dalam menjenamakan UMP di persada antarabangsa.

Manakala menurut Mohamad Ikhmal Idham Ali Yasak yang merupakan Pengarah Kejohanan dari Kelab Kejohanan banyak dibantu oleh 100 mahasiswa UMP sebagai sukarelawan dan teknikal kejohanan.

"Mereka yang terlibat adalah atlet Memanah UMP, ahli Kelab Memanah UMP, Majlis Sukan Pelajar UMP dan Archery UQS2081-1G yang bertindak sebagai nadi penggerak kepada kejayaan penganjuran kejohanan," katanya.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Sains) Profesor Dr Zainuddin.

Hadir sama Pengarah Excella Archery Distribution Sdn. Bhd., Michael Song dan Pegawai Belia dan Sukan Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP) menjuarai kemenangan dengan memenangi enam emas dalam keseluruhan dikongsi oleh tiga pasukan iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), HAFA Archery (Pahang) dengan dua emas.

Pasukan UMP yang disertai seramai 14 orang pemanah telah berjaya memenangi dua pingat gangsa melalui Compound Men.

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safrizah@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnishah Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan penilaian diterima untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya menggantung dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang semula tanpa kebenaran Ketua Editor

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan semestinya dikembalikan. Sumbangan karya berasal kepada penerbit di:

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safrizah@ump.edu.my

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 78 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

